



KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

126 Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas,
Pulau Pinang

Tel: 643 8515 FaX: 643 7507 email: mail@tunasmuda.com.my

KTM.ADM:HRD03/2022 (1)

27 Januari 2022

Anggota

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

NOTIS PEMBERITAHUAN PELAKSANAAN PENENTUSAHAN SURUHANJAYA BAGI PERLANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DI BAWAH SUBSEKSYEN 43 (2) DAN (3) AKTA KOPERASI 1993

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa berkuatkuasa 19 Februari 2010, Koperasi dikehendaki mendapatkan penentusahan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebelum perlantikan atau perlantikan semula mana-mana anggota yang layak untuk menjadi Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

Bagi memenuhi syarat tersebut, YBhg. Dato'/Tuan/Puan, dipelawa untuk membuat pencalonan bagi jawatan ALK dengan mengisi **Borang Pencalonan Koperasi** yang boleh diperolehi di pejabat Koperasi atau boleh memuat turun melalui laman web Koperasi www.tunasmuda.com.my mulai **03 Februari 2022 (Selasa)**.

Calon Anggota Lembaga Koperasi yang telah menghantar Borang Pencalonan bagi pelantikan Anggota Lembaga Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad bagi tahun 2021/2024 masih perlu untuk mengisi Borang Pencalonan Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun 2022/2025.

Anggota yang tercalon dikehendaki mematuhi Garis Panduan bagi perlantikan semula ALK (GP3) dan mengisi borang-borang seperti berikut:-

JENIS BORANG	TUJUAN	KETERANGAN
SKM/BP	A. Maklumat peribadi calon ALK B. Kebenaran calon untuk mendedahkan maklumat C. Akuan berkanun calon D. Lampiran I,II,III	Mesti Lengkap Rujukan Calon

JENIS BORANG	TUJUAN	KETERANGAN
SKM/TAP/KEW	Tapisan Kewangan: Berkaitan akaun/tanggungan calon dengan Koperasi di Malaysia, kecuali akaun simpanan tetap dan akaun tabungan	Calon hendaklah mengisi maklumat tentang akaun/tanggungan di sesebuah Koperasi Malaysia. Jika tanggungan melibatkan lebih daripada sebuah Koperasi, sila isikan satu borang untuk setiap Koperasi.
Borang Permohonan Laporan Kredit	Tapisan Kewangan: Berkaitan akaun/tanggungan calon dengan Koperasi di Malaysia, kecuali akaun simpanan tetap dan akaun tabungan. Salinan asal Laporan Kredit perlu dikemukakan	Borang ini disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi permohonan berkaitan rekod kredit calon ALK dengan institusi kewangan. Calon hendaklah menghantar borang ini kepada BNM untuk laporan kredit mereka. Borang ini juga terdapat di laman sesawang Biro Kredit, BNM. Calon juga boleh mengambil sendiri Laporan Kredit berkenaan daripada LINK, BNM. Calon ALK yang menerima laporan kredit daripada Biro Kredit, BNM dikehendaki memajukan salinan asal borang tersebut kepada Koperasi untuk tindakan selanjutnya.

Borang SKM/BP dan SKM/TAP/KEW boleh juga dimuat turun melalui laman sesawang <http://www.skm.gov.my> atau laman web Koperasi www.tunasmuda.com.my mulai **03 Februari 2022 (Selasa)** dan kembalikan semula borang yang telah dilengkapi **pada atau sebelum 08 Mac 2022 (Selasa)** jam 3.00 petang.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,


RAMELI BIN BUDIN AMN ; PJK

Setiausaha

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad

SENARAI SEMAK PENCALONAN ALK

PERKARA	KETERANGAN	TANGGUNGJAWAB
BORANG PENCALONAN KOPERASI	DILAMPIRKAN	CALON
BORANG SKM BP BORANG SKM KEW BORANG SKM/KEW	DILAMPIRKAN	CALON
<u>LAMPIRAN</u> ➤ Laporan Kredit Bank Negara Malaysia ➤ Carian Kebankrapan (RM10/calon) ➤ Salinan Kad Pengenalan ➤ Salinan Sijil Kursus Wajib (berkaitan sahaja)	Bank Negara Malaysia Jab. Insolvensi Malaysia Bangunan Persekutuan, Jalan Anson	CALON
Hantar semula semua borang yang lengkap bersekali dengan Lampiran Penghantaran borang pencalonan juga boleh dilakukan melalui email ke mail@tunasmuda.com.my	08 Mac 2022 @ 3.00 petang	CALON